

|             |   |              |                    |
|-------------|---|--------------|--------------------|
| Headline    | <b>7,840 terima ijazah, diploma pada Majlis Konvokesyen UP...</b> |              |                    |
| Date        | <b>14. Oct 2008</b>   | Language     | <b>MALAY</b>       |
| Media Title | <b>Harian Metro</b>   | Page No      | <b>26</b>          |
| Section     | <b>Setempat</b>   | Article Size | <b>97 cm2</b>      |
| Circulation | <b>336603</b>   | Frequency    | <b>Daily</b>       |
| Readership  | <b>2192000</b>  | Color        | <b>Black/White</b> |
|             |   | AdValue      | <b>3335.58</b>     |



## 7,840 terima ijazah, diploma pada Majlis Konvokesyen UPM

**S**ERDANG: Seramai 7,840 graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-32 yang akan berlangsung mulai Sabtu hingga 22 Oktober ini.

Istiadat konvokesyen yang diadakan di Dewan Besar

Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, akan disempurnakan Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang dijadual menyampaikan ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma kepada graduan sesi pertama.

Majlis konvokesyen membabitkan 10 sesi itu akan turut disempurnakan Pro-Canselor, Tan Sri Dr Nayan Ariffin, Tan Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Rozali Ismail.

Pada majlis itu, Tuanku Canselor juga akan mengurniakan anugerah Pingat Emas Canselor, Anugerah

Pelajar Diraja, Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid kepada pelajar cemerlang.

Pada konvokesyen kali ini, seramai 176 pelajar akan menerima PhD, sarjana (1,037), sarjana muda (6,128) dan diploma (499).

UPM akan turut menganu-

gerahkan Ijazah Kehormat Ekonomi kepada Setiausaha Agong Asean, Dr Surin Pitsuwan dan PhD dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi pada sesi pertama sebelah pagi.